MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026

PERINTAH HARIAN
SELASA, 27 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 17 MAC 2026M

---

1. **MEMBACA DOA**

2. **PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

   1) **[PL009] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme bagi memastikan tidak ada penyalahgunaan, penindasan atau eksploitasi tenaga kerja di sektor swasta?

   2) **[PL112] : Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah pemantauan yang dilaksanakan bagi mengawal bilangan pekerja asing secara teratur dan berterusan termasuk penggunaan projek Brunei-ID dilaksanakan sebagai *database* komprehensif dalam mengumpulkan pangkalan data penduduk-penduduk asing?

   3) **[PL037] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan SkiPPA, i-Ready dan skim berkaitan dan berapakah bilangan peserta telah memperolehi pekerjaan tetap di sektor kerajaan dan swasta? Apakah langkah berterusan bagi memastikan skim-skim tersebut mampu meningkatkan kebolehpasaran dan kestabilan pekerjaan belia?

   4) **[PL044] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan bagi penubuhan pusat pemulihan komuniti atau sokongan penjagaan berterusan khususnya bagi pesakit strok, warga emas dan kes kronik, bagi mengurangkan kebergantungan kepada rumah sakit serta memastikan kesinambungan penjagaan jangka panjang?

5) **[PL109] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan usaha terkini dalam menjana lebih banyak lagi peluang pekerjaan khususnya penyediaan pekerjaan sektor swasta yang menawarkan gaji yang bersesuaian dengan tahap kelulusan.

6) **[PL140] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif pembaharuan JIPK dan Jabatan Buruh dalam menyokong dasar *ease of doing business* bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif?

7) **[PL156] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jika Kementerian akan mempertimbangkan untuk memperluas akses ubat-ubatan kesihatan mental terpilih kepada farmasi atau klinik swasta, khususnya mengambilkira pesakit yang memerlukan rawatan alternatif atau rawatan jangka panjang yang melebihi rawatan barisan utama (*first-line treatment*)?

8) **[PL162] : Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah bagi memastikan bekalan ubat konsisten, terutamanya bagi pesakit *non-communicable disease* seperti kencing manis, darah tinggi dan kolesterol yang lazimnya dibekalkan dengan ubat selama 3 bulan, hanya dapat menerima bekalan cukup untuk sebulan-ke-bulan?

9) **[PL014] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jika Kementerian merancang untuk memasukkan anxiety sebagai indikator kesihatan mental dalam sistem *Epidemic Intelligence and Response Unit* (EIRU), sebagai usaha memastikan keberkesanan perancangan dasar, intervensi awal dan peruntukan sumber dapat agar lebih menyeluruh dan berasaskan bukti?

10) **[PL074] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme maklum balas pesakit yang digunakan untuk menilai tahap kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan hospital-hospital kerajaan?

11) **[PL026] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimana dapatan penyelidikan institusi pengajian tinggi tempatan dalam bidang perikanan, perhutanan dan pertanian dapat diaplikasi kepada kecerdasan perniagaan (*business intelligence*) dan menyokong penggubalan dasar, keputusan operasi, pembangunan rantaian nilai ekonomi serta penciptaan peluang pekerjaan berkualiti?

12) **[PL045] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan kementerian dalam menangani ketidakmampuan kewangan bagi individu yang menghadapi halangan mendapatkan rawatan selain kemudahan bayaran ansuran dan skim bantuan sedia ada?

13) **[PL021] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengongsikan data saringan mengenai penyakit kanser termasuk data perubahan di peringkat pengesanan kepada orang ramai bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pengesanan yang lebih awal.

14) **[PL142] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan dan tindakan terkini dalam pemuliharaan infrastruktur asasi di hospital dan pusat kesihatan yang dilaksanakan, selaras dengan usaha transformasi digital BruHealth 5.0?

15) **[PL055] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapat penilaian Kementerian terhadap peralihan bakat tempatan ke sektor kurang produktif atau keluar daripada bidang kepakaran asal walaupun berkelayakan tinggi? Bagaimanakah dasar pasaran buruh boleh memastikan bakat tenaga kerja kekal berkualiti tinggi dalam sektor strategik negara?

16) **[PL018] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan kementerian dalam penyediaan garis panduan standard minimum bagi perkhidmatan yang ditawarkan klinik swasta bagi Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk saringan dan penilaian awal, diagnostik, intervensi pembelajaran dan sokongan kesihatan mental, sebagai rujukan am dan panduan untuk ibu bapa dan penjaga?

17) **[PL019] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Jabatan Tenaga dalam memastikan syarikat-syarikat projek haluan (*upstream*) yang baharu akan memastikan anak tempatan turut serta dalam membina keupayaan mereka dalam pelbagai bidang, termasuk teknikal inovasi, komersial, digital, kemahiran data, automasi dan kecerdasan buatan, yang akan anak tempatan menjadi pemilik teknikal dan pembuat keputusan.

18) **[PL046] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dalam menangani isu *underemployment* dan pengangguran jangka panjang dalam kalangan rakyat tempatan yang berkelayakan yang telah lama berada di luar pasaran kerja? Apakah pendekatan bagi memulihkan kebolehpasaran, keyakinan majikan serta integrasi semula kumpulan ini ke dalam ekonomi?

19) **[PL058] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika Jabatan Perdana Menteri mempunyai unjuran (*projections*) tentang jumlah dan bidang pekerjaan yang bakal diwujudkan di tahun menjelang 2035?

20) **[PL025] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan status perancangan sektor pelancongan negara dalam menampung perubahan struktur ketibaan pelancongan, mengambilkira data ketibaan pelancong udara 2024 adalah pelawat bercuti dan melawat keluarga adalah melebihi 60% dari jumlah ketibaan.

21) **[PL157] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah individu yang mengakses perkhidmatan psikiatri, psikologi klinikal dan kesihatan mental berasaskan komuniti pada tahun 2025? Apakah langkah bagi memperluas kapasiti diagnostik dan penilaian, seperti penglibatan klinik swasta yang diiktiraf?

22) **[PL158] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan kementerian dalam menangani sebarang wabak virus seperti nipah dalam aspek pengesanan klinikal awal dan kesiapsiagaan hospital? Adakah maklumat kesiapsiagaan ini boleh dikongsikan kepada orang awam bagi meningkatkan ketelusan dan kefahaman awam?

23) **[PL010] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan cabaran utama dalam proses semakan dan penggubalan akta-akta penting dan inisiatif Pejabat Peguam Negara dalam mempercepatkan proses semakan dan penggubalan ini? Apakah terdapat perancangan penambahbaikan contoh memanfaatkan tenaga graduan undang-undang melalui skim *apprenticeship* secara *project-based*?

24) **[PL126] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pertimbangan kerajaan bagi melaksanakan program SkiPPA secara berkontrak bagi projek dengan skop kerja dan *deliverables* yang lebih jelas.

25) **[PL131] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah penyelarasan data tamat permit kerja asing diselaraskan dengan data Pusat Pekerjaan Brunei dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) bagi membolehkan perancangan latihan proaktif melalui platform seperti SkillPlus?

26) **[PL136] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan perancangan dan tindakan terkini dalam menangani peningkatan pencari pekerjaan aktif daripada 11,917 pada Oktober 2024 kepada 14,120 pada Oktober 2025 direkod oleh Pusat Pekerjaan Brunei, terutamanya mengambilkira kebanyakannya berkelulusan dari institusi-institusi pengajian tinggi?

27) **[PL143] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan strategi kementerian dalam memantapkan sektor pelancongan khususnya bagi memastikan profil pelancongan negara lebih tersohor di peringkat antarabangsa dan merancakkan lagi kepelbagaian ekonomi negara.

3. KENYATAAN MENTERI

Kenyataan Menteri : “Sinergi Kerajaan dan Komuniti sebagai Tonggak Keselamatan Awam dan Kesejahteraan Sosial di Negara Brunei Darussalam” akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Perbahasan berkenaan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027), 2026

DAN

Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam

5. PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

1) **[PT031] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah keberkesanan penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan (seperti Expo Produk, Festival Makanan, *Consumer Fair*), terutamanya dari segi *spin-off effect* kepada aktiviti ekonomi domestik, peningkatan peluang berniaga kepada PMKS terutamanya belia-belia tempatan, di samping impaknya terhadap pengaliran wang masuk/keluar negara?

2) **[PT041] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah kementerian mengkaji semula struktur subsidi dan harga beli balik termasuk pengurangan kebergantungan kepada beras *import* dan cara menggalakan peningkatan pengeluaran padi tempatan?

3) **[PT013] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan mekanisme yang diwujudkan bagi memastikan dasar dan proses kelulusan ABCi kekal relevan serta dikemas kini demi kepentingan awam dan pembangunan ekonomi?

4) **[PT028] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan bagi penurapan dan pembaikan jalan raya yang dibuat secara menyeluruh dan berperingkat termasuk usaha *preventive* yang bukan bersifat sementara.

5) **[PT038] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan langkah untuk mengawal dan memulihkan pencemaran mikrob dan organik berdasarkan kajian Onifade et al., 2025 yang melaporkan peningkatan bakteria koliform sehingga 1.6×10^5 MPN/100mL di beberapa stesen Sungai Brunei selepas 2018, khususnya yang berhampiran kawasan berpenduduk padat, akibat limpahan kumbahan dan sistem pembetungan yang tidak mencukupi.

6) **[PT006] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian Pendidikan memastikan pelajar OKU terutamanya yang memerlukan intervensi intensif benar-benar menerima pembelajaran bermakna dan bukan sekadar hadir secara nominal? Apakah usaha yang dijalankan bagi memastikan penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib tidak membebankan sekolah dan kapasiti SEN, persekitaran pembelajaran serta intervensi yang diperlukan dapat disediakan?

7) **[PT007] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi kementerian untuk mengiktiraf profesional industri sebagai *adjunct lecturer*, dan sejauhmanakah kementerian mempertimbangkan skim *adjunct lecturer* dengan mobiliti antara universiti serta laluan pengiktirafan dan pembangunan kerjaya yang jelas?

8) **[PT012] : Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan institusi pengajian tinggi negara menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui inovasi, penyelidikan serta daya saing Brunei selaras dengan Wawasan 2035?

9) **[PT036] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan isu *mismatch* di mana graduan lepasan institusi tempatan tidak selaras dengan kerjaya yang diceburi. Adakah ini berpunca dari kekurangan dalam *Training Needs Analysis* atau perkara lain?

10) **[PT037] : Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kementerian mempertimbagkan penggunaan indikator tambahan yang lebih holistik, selain yang digunakan pada masa ini contohnya perbandingan PISA 2018–2022 dalam data bacaan, penulisan dan aritmetik, untuk menilai kemajuan pencapaian pendidikan?

11) **[PT047] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah memupuk dan menyemai program STEAM dalam usaha membangunkan minda pelajar yang lebih kritikal dan *analytical* bermula dari pendidikan peringkat rendah yang dihasratkan mengubah mindset konvensional mencari pekerjaan?

12) **[PT002] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan langkah kementerian dalam memastikan persekitaran kawal selia domestik bagi sistem penerbangan negara termasuk keupayaan penyelenggaraan, latihan juruterbang dan jurutera. Adakah terdapat kerangka pensijilan atau pajakan pesawat bagi armada baharu?

13) **[PT003] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan cabaran utama dalam pelaksanaan dan pengintegrasi transformasi digital dalam perkhidmatan kerajaan khususnya dalam mengubah penerimaan masyarakat, meningkatkan kebolehgunaan serta aksesibiliti dan mesra pengguna? Bagaimana Kementerian membina dan mengekalkan kepercayaan awam terhadap kecekapan, daya tahan, ketelusan tadbir urus dan penggunaan data secara beretika merentas agensi?

14) **[PT008] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan penilaian Kementerian berkenaan keberkesanan pengangkutan awam dari aspek mobiliti ekonomi rakyat, peralihan penggunaan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam, serta kesan terhadap kualiti hidup? Apakah ukuran atau penunjuk yang digunakan dan perancangan bagi penambahbaikan dasar dan pelaksanaan?